



## KENYATAAN MEDIA MAJLIS PELANCARAN SUKAN PARLIMEN (SUKPAR) 2021

---

**PUTRAJAYA, 22 OKTOBER 2021:** Seramai 10,000 peserta dijangka akan turut serta dalam Sukan Parlimen (SUKPAR) 2021 yang bakal berlangsung 22 Oktober sehingga 5 Disember ini.

SUKPAR yang mempertandingkan sukan di antara parlimen di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan mula dianjurkan pada tahun 2019 dengan tujuan untuk meningkatkan amalan bersukan dan menanamkan semangat perpaduan dikalangan komuniti Wilayah Persekutuan.

SUKPAR 2021 kembali diadakan pada tahun ini yang diadakan secara maya selepas tidak diadakan tahun lepas akibat pandemik Covid-19 bakal menyaksikan enam jenis sukan dipertandingkan iaitu:

- ESports – FIFA22 dan Mobile Legends: Bang Bang
- Virtual Run – Individu 15km
- Virtual Combat
  - i. Silat - seni
  - ii. Taekwondo - poomsae
  - iii. Karate - kata
- Archery Challenge – recurve, compound, barebow

Majlis Pelancaran hari ini menyaksikan YB Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim melancarkan SUKPAR 2021 yang disiarkan secara langsung menerusi Facebook Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP).

“Penganjuran SUKPAR pada tahun ini bagaimanapun agak berbeza apabila pemilihan sukan dibuat lebih berhati-hati bagi memastikan penganjuran pertandingan dibuat mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan, sama seperti sambutan Hari Sukan Negara (HSN) 2021 yang diadakan pada 9 Oktober lalu.

“SUKPAR 2021 bagaimanapun diteruskan bagi merancakkan kembali aktiviti sukan dan gaya hidup aktif di kalangan komuniti Wilayah Persekutuan namun masih mengikuti SOP yang ditetapkan kerajaan khususnya selepas lama berperang dengan pandemik Covid-19,” katanya dalam Majlis Pelancaran SUKPAR 2021 yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kementerian Wilayah Persekutuan di sini hari ini.

MSWP turut mensasarkan keseluruhan lebih 500,000 *viewership* pada SUKPAR 2021 khususnya semasa penganjuran ESports yang mana permainan video FIFA22 merupakan penganjuran pertama yang dilaksanakan di Malaysia.

SUKPAR 2021 dianjurkan MSWP dengan kerjasama Persatuan Silat Kebangsaan (PESAKA) Kuala Lumpur, Persatuan Memanah Red Arrows Wilayah Persekutuan, Persatuan Karate Wilayah Persekutuan Putrajaya, Taekwondo Kuala Lumpur, KPNP Malaysia dan Persatuan Sukan Elektronik Kuala Lumpur (ESKL).

TAMAT